

## BAB 2

### KEPENTINGAN SOLAT DALAM KEHIDUPAN

#### 2.1.PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang syumul. Ajarannya meliputi semua aspek kehidupan manusia dan hubungannya tidak terputus dengan pencipta Nya. Solat merupakan satu ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatan Nya melalui Isrā' dan Mi'rāj Rasulullah bertemu Allah berbanding ibadat-ibadat yang lain. Di antara kefarduan solat dan mukjizat Isrā' dan Mi'rāj, terdapat hubung kait yang begitu mendalam dan erat. Apabila Mi'rāj Nabi s.a.w dengan jasad dan rohnya ke langit sebagai satu mukjizat, maka Allah s.w.t menjadikan bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. *Mi'rāj rūh* pada setiap hari sebanyak lima waktu, di mana roh dan hati mereka pergi menemui Allah s.w.t bagi memastikan mereka bebas dari kekangan nafsu dan menyaksikan keagungan Allah, kekuasaan serta keesaan Nya, sehingga menjadikan mereka orang yang mulia di atas muka bumi ini<sup>1</sup>.

Solat merupakan ibadat badaniah yang telah diwajibkan ke atas setiap muslim yang mukallaf menunaikannya lima kali dalam sehari semalam, dalam waktu-waktu yang ditentukan.<sup>2</sup> Solat juga mendidik jiwa seseorang mengerti hakikat ketakwaan, ketenangan, kesabaran, tawakkal, jihad dan berpegang bahawa hanya Allah sahajalah tempat pergantungan yang optimum dalam semua urusan hidup<sup>3</sup>.

---

<sup>1</sup> Sayyid Muḥammad ibn 'Alawī al Mālikī, (t.t), *al-Anwār al-Bahiyyah min Isrā' wa Mi'rāj Khayr al-Bariyyah*, terj: Muhammad Fuad b Kamaluddin, *Mukjizat Isra' dan Mi'raj* (2007), h.150.

<sup>2</sup> Lihat Surah al Nisa'(5): 103.

<sup>3</sup> Ḥassan al-Turābi (Dr),(1974), *al-Ṣolāh 'Imād al-Dīn*, Kuwait: Dār al-Qalam, h.11.

Allah s.w.t. mentaklifkan solat ke atas mereka yang dipilih memikul amanah nubuwwah dan risalah kerana solat dapat menghubungkan mereka secara langsung dengan Allah. Ia juga menjadi bekal kekuatan rohani dalam melaksanakan amanah yang besar itu seterusnya untuk disampaikan kepada sekalian umat manusia.

## 2.2.KEDUDUKAN SOLAT DI DALAM ISLAM

Menurut bahasa Arab, perkataan solat adalah nama terbitan (maṣḍar) dari kata kerja; *ṣolla*, *yusolli*, *ṣolātan* yang bererti *al duā'*<sup>4</sup>, *al raḥmah*, *al istighfār* dan *al barākah*. Jama'nya ialah *solawāt*<sup>5</sup>. Dalam bahasa Melayu, solat diertikan sebagai sembahyang iaitu perbuatan menyembah Allah da secara khusus ia dilaksanakan di dalam solat fardu yang lima<sup>6</sup>.

Para ulama berselisih pendapat di dalam menentukan erti yang asal bagi perkataan solat. Sebahagian dari mereka berpendapat bahawa perkataan *al ṣolāh* bermaksud *al rukū'* *wa al sujūd* iaitu rukuk dan sujud, sementara pendapat lain mengatakan bahawa *al ṣolāh* ialah *al duā'* iaitu doa. Pendapat yang lebih *rajih* ialah al *solāh* dengan erti al *duā'* kerana perkataan solat itu sendiri termasuk dalam pengertian doa iaitu memohon limpahan rahmat daripada Allah<sup>7</sup> s.w.t. Ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah di dalam ayat berikut :

إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

<sup>4</sup> Al-Imām Muḥammad bin Abī Bakr b Abī al-Qādir al-Rāzi (2000), *Mukhtār al Saḥḥāh*, c.1, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h.207.

<sup>5</sup> Sa'di Abu Jayb (1998) *al Qāmūs al-Fiqh-Lughah wa al-Iṣṭilāh*, c.2, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 216.

<sup>6</sup> Teuku Iskandar (1996), Kamus Dewan, Edisi ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1299

<sup>7</sup> Al- 'Allāmah al-Syeikh 'Ali b Aḥmad al-Jurjāwī al-Athāri al-Ḥanbalī (1999), *Ḥikmah al-Tasyrī' wa al-Falsafah-Sulk wa 'Ibādat wa al-Muāmalāt*, c.1, Beirut: Dār al- Kutub al- ' Ilmiyyah, h.48. lihat juga Abi Zakariyyā Maḥy al-Addīn b. Syaraf al-Nawāwī (t.t), *al-Majmū' Syarḥ al-Muhadhab*. Mesir: Matba'ah al-Imām, h. 3 dan Wahbah al-Zuhayfī (1985), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, juz 1, cet. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 497.

Terjemahan:

Dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.  
Surah al Taubah: (9) :103

Dari segi istilah syarak, fuqaha' mendefinisikan kalimah solat merujuk kepada himpunan kata-kata dan perbuatan-perbuatan tertentu bermula dari takbir dan berakhir dengan salam. Ianya dinamakan sebagai solat kerana mengandungi doa yang menjadi bahagian utama dan paling banyak dalam solat<sup>8</sup>.

Dalam Islam kedudukan solat adalah tinggi dan agung. Kerana kedudukan solat yang sangat agung ini, Allah s.w.t. menyeru agar orang-orang beriman mendirikanNya, sebagaimana firmanNya:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Terjemahan:

Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasulullah agar kamu beroleh rahmat.  
Surah al Nūr (24):56

Solat merupakan ibadat yang paling utama dan wajib difahami serta diamalkan oleh setiap muslim. Jika iman merupakan ucapan lisan dan keyakinan di dalam hati, maka solat pula mewakili amalan lahir sebagai bukti ketaatan kepada Allah s.w.t. Solat adalah ibadat yang merealisasikan makna penyerahan diri kepada Allah semata-mata, sebagai tanda keimanan serta sebagai perantara bagi orang yang beriman untuk mencari kemuliaan hidup di dunia dan akhirat. Oleh kerana itu, Allah menetapkan solat sebagai ibadat sepanjang masa dalam seluruh risalah kenabian.

---

<sup>8</sup> Dr. Mustafa al-Khin et. al (1989), *al-Fiqh a- Minhaji 'Alā Madhab al-Imām al-Syāfi'iy*, J.1, c.1, Dimasyq: Dār al-'Ulūm al-Insāniyyah, h.98

Perintah agar mendirikan serta menjaga solat banyak dinyatakan di dalam al Quran, diantaranya firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٤٣﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan yang tertentu waktunya kepada orang yang beriman.

Surah al-Nisā' (5): 103

Al Quran mendefinisikan golongan yang beriman itu adalah mereka yang mendirikan solat, sebagaimana firman Allah di dalam surah al Baqarah:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٢﴾

Terjemahan:

Iaitu golongan yang beriman kepada perkara ghaib, mendirikan (mengerjakan) solat serta menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

Surah al Baqarah(2): 3

Allah s.w.t. mengancam golongan yang melalaikan solat serta mengingkarinya. Ini jelas dinyatakan di dalam surah al Mā'ūn:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

Terjemahan:

(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (Iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya.

Surah al Mā'ūn (107): 4-5

Dinyatakan juga di dalam surah Maryam:

﴿ خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴾

Terjemahan:

Maka datanglah sesudah mereka, keturunan-keturunan yang melalaikan solat dan menurut hawa nafsu, maka mereka bakal menghadapi azab (di dalam neraka).

Surah Maryam (19) : 59

Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w menyebut ibadat solat merupakan satu daripada lima asas agama Islam<sup>9</sup>:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،  
وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ،  
وَصَوْمِ رَمَضَانَ، وَحِجِّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Terjemahan:

Islam itu ditegakkan atas lima perkara, iaitu bersyahadah tidak ada Tuhan lain melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad s.a.w ialah Rasul Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah bagi sesiapa yang berkuasa mengerjakannya.

Ibadat solat merupakan penentu penerimaan amalan ibadat secara keseluruhannya.

Jika solat seseorang diterima oleh Allah di akhirat kelak, amalan-amalan lain yang dilakukan ketika hidup di dunia akan diterima. Sebaliknya jika amalan solat di tolak, amalan-amalan lain juga akan ditolak. Ini membuktikan ibadat solat adalah pengukur kesempurnaan ibadat<sup>10</sup>. Rasulullah s.a.w bersabda<sup>11</sup>:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ بِصَلَاتِهِ فَإِنْ صَلَحَتْ

<sup>9</sup> Muḥammad b ‘Ismā’il Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Imān. Bāb al-Solāh , no hadith 7, h.445

<sup>10</sup> Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers, h. 5.

<sup>11</sup> Muḥammad b ‘Ismā’il Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1987), op.cit, *Kitāb al-Solāh*, no hadith 469, h.231

فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

Terjemahan:

Perkara yang mula-mula sekali ditanya kepada hamba pada hari kiamat kelak ialah mengenai ibadat solat. Jika solat diterima, bererti diterimalah seluruh amalannya, dan jika ditolak bererti dia termasuk golongan yang rugi(ditolak seluruh amalannya)

Memandangkan kedudukan ibadat solat yang begitu penting, maka solat fardu sama sekali tidak boleh diabaikan atau ditinggalkan dengan sewenang-wenangnya. Ulama sepakat berpendapat, mereka yang mengingkari kewajipan solat dihukumkan sebagai kafir. Bagaimanapun jika meninggalkannya disebabkan sifat malas tetapi masih mengakui kewajibannya, menurut Imam Malik dan Imam al-Syafie orang tersebut hanya dianggap fasiq<sup>12</sup>.

Oleh yang demikian ibadat solat perlu dipelihara dan dilaksanakan oleh setiap muslim. Pengabaianya akan menjejaskan kedudukannya sebagai muslim. Sabda Rasulullah s.a.w<sup>13</sup>:

لَيْسَ بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ إِلَّا تَرْكُ الصَّلَاةِ

Terjemahan:

Yang membezakan seseorang dengan kekufuran ialah meninggalkan solat.

### **2.3. SOLAT DAN PEMBENTUKAN PERIBADI MUSLIM DALAM KEHIDUPAN RUMAHTANGGA**

Ibadat solat tidak terpisah dengan realiti kehidupan individu muslim. Ini merupakan keistimewaan dan keindahan solat di dalam ajaran Islam. Oleh yang demikian, ibadat solat

---

<sup>12</sup> Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awṭār*, juz. 1. Mesir: Matba’ah Muṣṭafā al-Bab al-Ḥalībī, h. 240-241.

<sup>13</sup> ‘Abī al-Ḥussayn Muslim (1978), *op.cit.*, no hadith 463, h. 342.

mempunyai peranannya yang tersendiri dan memberi kesan kepada pelakunya. Institusi kekeluargaan pula sangat penting dalam kehidupan manusia kerana ia telah direncanakan oleh Allah swt sebagai asas pembentukan masyarakat mulia.

Kehidupan rumahtangga adalah merupakan pelindung seumur hidup iaitu sejak manusia dilahirkan hinggalah meninggal dunia<sup>14</sup>. Jika dilihat mulai zaman kanak-kanak sehingga zaman dewasa, kebanyakan kita adalah di bawah tanggungan dan perhatian ibu bapa dan keluarga, iaitu dalam kehidupan rumahtangga yang dibina oleh kedua ibu bapa. Apabila masuk ke zaman dewasa sehingga zaman menurun (tua), majoritinya telah mendirikan rumahtangga dan membina kehidupan atas upaya dan kehendak diri sendiri. Dan seterusnya zaman tua hingga akhirnya, manusia akan tidak mampu menguruskan kehidupan sendiri dan akan mengharapkan penjagaan daripada anak atau cucu untuk menyempurnakan segala keperluan kehidupan. Daripada susunan peringkat ini, seseorang individu itu akan melalui tiga kehidupan rumah tangga, iaitu rumahtangga yang dibina oleh ibu bapa mereka, rumahtangga yang dibina oleh mereka sendiri dan rumahtangga yang dibina oleh anak-anak mereka.

Ibadat solat dan kehidupan rumahtangga semestinya tidak akan terpisah dan mempunyai kesinambungannya pada individu muslim. Ini kerana tanggungjawab melaksanakan ibadat solat dan kehidupan alam rumahtangga adalah suatu yang perlu dilalui dan dilaksanakan oleh setiap individu muslim. Ini jelas di dalam firman Allah s.w.t. :

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

Terjemahan:

Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau bersabar menunaikannya.

---

<sup>14</sup> Mustafa Haji Daud, (1991), *Perkahwinan Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. h. 9 - 13

Menurut Sayyid Qutb,<sup>15</sup> adalah menjadi tanggungjawab ketua keluarga untuk memastikan ahli-ahli keluarga melaksanakan kewajipan kepada Allah terutamanya ibadat khusus yang wajib seperti solat lima waktu. Dengan cara ini hubungan mereka dengan Allah s.w.t akan sentiasa terjalin, seterusnya menghindarkan keluarga tersebut dari terjerumus ke dalam perkara-perkara yang mendatangkan dosa.

Ini turut disokong dengan hadis Nabi s.a.w.<sup>16</sup>:

ارْجِعُوا إِلَىٰ أَهْلِيكُمْ فَعَلَّمُوهُمْ

Terjemahan:

Kembalilah kamu kepada keluarga kamu maka ajarlah mereka

Hadis ini di dalam bab anjuran Nabi s.a.w kepada rombongan ‘Abd al Qays<sup>17</sup> supaya menjaga keimanan dan ilmu serta memberitahu mereka yang di belakang mereka. Nabi s.a.w. telah memerintah (menyuruh) rombongan ini dengan empat perintah dan melarang mereka dengan empat larangan. Antara suruhan Baginda s.a.w ialah beriman kepada Allah s.w.t. iaitu termasuklah perintah menunaikan solat serta perintah agar memelihara dan memberitahu kepada ahli keluarga dan mereka yang tidak dapat hadir di dalam majlis tersebut. Ini jelas kepada kita bahawa ketua keluarga atau ketua sesebuah kumpulan atau kaum mempunyai peranan yang utama dalam menjaga ahli-ahlinya.

Menurut Abdul Rashid Ahmad<sup>18</sup>, solat yang dilakukan dengan penuh keyakinan hati, kerelaan perasaan dan kesedaran akal dapat mendorong jiwa kepada kebaikan dan

---

<sup>15</sup> Sayyid Qutb (1985), *Fi Zilāl al-Qur’ān*, jil.4, juz. 12-18. Beirut: Dār al-Shuruq, h. 2357.

<sup>16</sup> Abi ‘Abd Allah bin Isma‘il bin Ibrahim bin al Mughīrah, (2004), *Ṣaḥīḥ al Buhārī*, Jld 1, Qaherah: Dār al-Hadith, h. 34, *Kitāb al ‘Ilm*

<sup>17</sup> Ibid, h.34-35. Lihat juga Terjemahan Sahih al-Bukhari, (2008), Terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 96-97

<sup>18</sup> Abd. Rashid Ahmad (1995), “Aspek-Aspek Pendidikan Dalam Solat”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2, Mei 1995, h. 166.



benci kepada kejahatan. Oleh yang demikian, di dalam rumah tangga akan melahirkan suasana yang damai, wujud persefahaman dan bahagia.

Solat merupakan tali penghubung yang menghubungkan hamba dengan pencipta Nya. Iaitu dengan menjadikan seseorang muslim itu sentiasa mengingati Allah, merendah diri kepada Nya dan sentiasa mengagungkan Nya<sup>19</sup>. Firman Allah:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي

Terjemahan:

“Dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku”

Surah Tāhā (16): 14

Justeru itu, seseorang yang lalai dan lengah di dalam solatnya, tidak boleh dikatakan mendirikan solat semata-mata untuk mengingati Allah. Apabila hati terikat dengan Allah, maka setiap gerak laku dan perbuatan akan sentiasa terkawal dan menjadi penghalang untuk mengerjakan kemungkaran dan keburukan.

Di samping itu, solat merupakan hasil gabungan antara dua unsur asasi kejadian manusia, iaitu rohani dan jasmani, zahir dan batin. Pelaksanaan solat adalah wajib ke atas setiap muslim yang perlu dilakukan berulang-ulang secara berterusan hingga ke akhir hayatnya pada setiap pagi, petang dan malam. Berdasarkan kepada hakikat ini, jelas bahawa amalan dan kewajipan solat merupakan suatu bentuk tarbiyah didikan Ilahi yang semestinya akan membuahkan banyak kesan positif dalam berbagai aspek kehidupan manusia<sup>20</sup>.

---

<sup>19</sup> Al-Shiddieqy (1996), *op.cit.*, h. 558.

<sup>20</sup> Abdul Rashid Ahmad, (1996), *Kesan Tarbiyah Daripada Ibadat Solat*, Subang Jaya: Penerbitan Al-Ramadhan, h. 3-4

Antara kesan positif ke atas pelakunya ialah mendapat didikan kejiwaan<sup>21</sup> dengan merasai nikmat ketenangan dan kekuatan jiwa. Jiwa yang tenang dan kuat akan mampu menempuh dugaan kesusahan, penderitaan dan aneka ragam masalah dalam kehidupan di dunia ini termasuklah permasalahan rumah tangga. Ini jelas di dalam firman Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Terjemahan:

Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat. Sesungguhnya Allah bersama dengan orang yang sabar  
Surah al- Baqarah (2):153

Ini bermakna amalan solat yang sempurna dan diterima oleh Allah, boleh menghindarkan tabiat semula jadi keluh kesah manusia. Sebagaimana firman Allah:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿٢٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٣٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٣١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٣٢﴾ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٣٣﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut). Apabila ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah. Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut, kecuali orang yang mengerjakan solat, iaitu mereka yang tetap mengerjakan solat mereka.

Surah al-Ma'ārij (29): 19-23

Peri pentingnya pelaksanaan dan penghayatan dalam ibadah termasuklah ibadat solat adalah sebagai benteng dari terjerumus dalam perbuatan keji dan mungkar juga telah dibuktikan oleh kajian-kajian semasa. Antaranya kajian Amran Kasimin<sup>22</sup> berkaitan *Kes-Kes Jenayah Agama*<sup>23</sup> yang dibicarakan di Mahkamah Syariah di enam daerah di negeri

<sup>21</sup> Ibid, h.5-6

<sup>22</sup> Amran Kasimin (1993), *Masalah Sosial dan Hubungannya Dengan Didikan Agama*, Kuala Lumpur: DINIE Publishers, h. 5 dan 128.

<sup>23</sup> Contoh jenayah agama ialah minum minuman yang memabukkan, menjual atau membeli makanan atau minuman dalam bulan Ramadan, berkhawat, persetubuhan haram, bersekedudukan, pelacuran dan kesalahan muncikari, *Ibid*, h. 5.

Johor. Kajian berasaskan dokumentasi dan tinjauan itu mendapati punca utama terlibat dengan kesalahan jenayah agama ini adalah disebabkan tidak mempunyai didikan agama dan bagi mereka yang ada didikan, tidak pula mengamal dan menghayatinya. Sedangkan didikan terbukti penting untuk membentuk individu dan masyarakat yang baik. Tanpanya manusia akan mudah terjebak dalam kebinasaan dan hanyut tanpa pegangan hidup.

Terdapat lagi beberapa kajian semasa yang membuktikan bahawa faktor tidak melaksanakan ibadat solat akan melahirkan kesan negatif pada diri individu itu. Kajian Mohd Suhardi bin Jusoh (2004)<sup>24</sup> mendapati bahawa 96.8% responden mengakui bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka. Beliau membuat kesimpulan bahawa timbulnya pelbagai gejala sosial yang membabitkan remaja dewasa ini adalah sebahagiannya berpunca dari diri mereka yang tidak mendirikan solat fardu. Kajian ini adalah bukti bahawa tabiat resah gelisah dan bakhil ini akan kekal di dalam diri individu yang meninggalkan pelaksanaan solat fardu mereka.

Hasil kajian oleh Nor Azira binti Yusoff(2008)<sup>25</sup> mendapati bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Ini bermakna apabila solat tidak dilaksanakan dengan baik akan menimbulkan pelbagai perbuatan salah laku. Menurut pengkaji juga, punca sebenar berlakunya gejala sosial di Malaysia ini adalah rentetan daripada pelakunya yang mengabaikan ibadat solat.

Kajian oleh Shafora bt Juaini(2005)<sup>26</sup> yang dilakukan ke atas 250 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima buah sekolah menengah di

---

<sup>24</sup> Mohd Suhardi bin Jusoh (2004), "Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan", (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) h.208 dan 218

<sup>25</sup> Noor Azira binti Yusoff, (2008), "Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu:Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur", (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>26</sup> Shafora bt Juaini(2005), "Ibadah Solat Dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor"( Kertas Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 78

Daerah Kuala Selangor mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar. Responden yang tekun melaksanakan ibadat solat dan menghayatinya akan menunjukkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Ini menunjukkan hubungan yang positif antara amalan solat dan akhlak pelajar. Ini bermakna pelajar-pelajar yang melaksanakan dan menghayati ibadat solat dengan sempurna, dapat membentuk tingkah laku yang positif dan melahirkan akhlak dan sahsiah yang terpuji.

Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ibadat solat berupaya membimbing akhlak dan gerak geri hidup kepada jalan yang sejahtera, terpelihara dari segala anasir yang menyebabkan kerosakan serta terhindar dari sebarang perbuatan dan tindakan di luar batasan kesopanan. Dengan ini secara tidak langsung kehidupan rumah tangga yang dibina akan sentiasa beroleh bahagia dan damai.

Kesimpulannya ibadat solat memainkan peranan yang besar di dalam pembentukan akhlak dan keperibadian setiap individu muslim. Akhlak yang mulia akan membawa kepada kehidupan keluarga dan masyarakat yang bahagia.

#### **2.4.HUBUNGAN PELAKSANAAN SOLAT DAN KONFLIK RUMAH TANGGA**

Keluarga yang utuh dan mampu berfungsi dengan berkesan dapat membentuk sifat, tingkah laku dan nilai terpuji di kalangan ahlinya. Kefungsian dan kesejahteraan keluarga boleh dicorakkan oleh pelbagai proses yang berlaku di kalangan ahli keluarga<sup>27</sup>. Antaranya kesedaran seseorang muslim itu tentang hakikat penciptaan manusia di alam ini bukan sekadar untuk mendiami bumi semata-mata. Bahkan mempunyai tanggungjawab tertentu, iaitu mengabdikan diri atau beribadah kepada Nya. Oleh itu sama ada ibadah itu berbentuk

---

<sup>27</sup> Raihanah Azahari, (2007), op.cit, *Jurnal Syariah*, bil 1, jilid 15, h. 115-128.

umum atau pun khusus, ia tetap mempunyai tujuannya yang tertentu. Antaranya sebagai tanda bersyukur dan berterima kasih atas segala nikmat kurniaan Allah.<sup>28</sup> Nikmat Allah s.w.t kepada manusia di muka bumi ini tidak terhitung banyaknya. Sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا ۗ إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٨﴾

Terjemahan:

Dan jika kamu menghitung nikmat Allah, tidaklah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Surah al-Nahl (14): 18

Oleh yang demikian melalui ibadah, seseorang hamba itu dapat melahirkan tanda kesyukuran kepada pemberi nikmat tersebut. Salah satu ibadat yang difardukan adalah pelaksanaan ibadat solat. Kajian telahpun membuktikan bahawa dengan pelaksanaan ibadat solat, perlakuan dan akhlak individu muslim akan terjaga dan akan memberikan kesan yang positif kepada kehidupan mereka seharian di dalam keluarga dan masyarakat.

Jika dilihat peranan dan hikmah wajibnya solat ke atas setiap muslim mempunyai perkaitan secara tidak langsung kepada faktor-faktor penyebab kepada konflik rumahtangga. Faktor pengabaian tanggungjawab, masalah kecurangan pasangan, penderaan, masalah moral dan sebagainya adalah antara punca daripada kurangnya didikan agama. Secara umumnya Islam akan melihat kepada pelaksanaan ibadat solat fardu sebagai asas ukuran bahawa seseorang itu mempunyai agama. Ini jelas sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w.<sup>29</sup>

لَيْسَ بَيْنَ الْعَبْدِ وَبَيْنَ الْكُفْرِ إِلَّا تَرْكُ الصَّلَاةِ

<sup>28</sup> Hamka (1990), *op.cit.*, h. 6927.

<sup>29</sup> Abī al-Hūssayn Muslim (1978), *op.cit.*, no hadith 463, h. 342.

Terjemahan:

Yang membezakan seseorang dengan kekufuran ialah meninggalkan solat”

Hadis Nabi s.a.w<sup>30</sup>:

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

Terjemahan:

Solat itu tiang agama. Barang siapa mendirikan solat, sungguhlah ia telah mendirikan agama; dan barang siapa yang meruntuhkan solat, sungguhlah ia telah meruntuhkan agama.

Hadis ini menjelaskan bahawa, mendirikan solat bermakna mendirikan agama dan meninggalkannya adalah meruntuhkan agama. Semua binaan lain menumpang atau bergantung kepada tiang. Sudah tentu, sesuatu kebajikan yang dilakukan itu kurang sempurna kerana tidak dapat diletakkan tiang<sup>31</sup>. Maka kehidupan individu muslim itu menghadapi permasalahan akibat pelaksanaan solatnya yang tidak sempurna.

Menurut Hamida Abdul Rahman dalam artikelnya merekodkan bahawa antara faktor-faktor penyumbang kepada masalah keluarga ialah keadaan keluarga yang tidak stabil dan sering bertengkar, suami tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik, ilmu yang tidak lengkap tentang pengurusan rumah tangga, kurang pengetahuan agama, masalah komunikasi dalam keluarga, kecurangan pasangan, penderaan emosi, penghakisan rasa cinta, masalah kewangan serta cabaran zaman ini yang begitu kuat mempengaruhi kesejahteraan keluarga<sup>32</sup>. Faktor kurang pengetahuan agama turut disenaraikan bersama sebagai bukti kukuh bahawa kehidupan individu muslim tanpa pentarbiyahan agama akan menyumbang kepada kesan negatif dalam kehidupan harian mereka.

---

<sup>30</sup> Al-‘Allāmah Muhammad bin Abi Ḥamīd al- Ghazālī (1992), *Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al- Jil, h.196,

<sup>31</sup> Mohd Fadli Sulaiman, (2004), *Kebahagiaan Definisi Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd. h. 97-100.

<sup>32</sup> Hamidah Ab Rahman, (2006), “Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Dan Perceraian: Kajian Kes di Johor” dalam Abdul Rahim Abd Rashid et al. (2006), *Krisis Dan Konflik Rumahtangga*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. h. 13

Jika berdasarkan pengalaman pegawai perunding keluarga<sup>33</sup> serta rekod aduan kes yang berdaftar, kategori permasalahan rumahtangga yang dinyatakan turut memfokuskan kepada akibat kurangnya didikan agama serta kebanyakan responden mengakui tidak melaksanakan solat secara konsisten atau langsung tidak mendirikan solat lima waktu<sup>34</sup>.

Muslim yang melaksanakan dan menghayati ibadatnya sudah pasti menyedari sepenuhnya tanggungjawab sebagai seorang hamba dan khalifah Allah di alam ini. Oleh itu sudah semestinya tanggungjawab berkenaan akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk menjamin kebahagiaan dan kecemerlangan di dunia dan juga di akhirat. Firman Allah:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Terjemahan :

Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: “Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

Surah al-Baqarah (2): 201

Pelaksanaan dalam ibadat, khususnya ibadat solat fardu lima waktu dapat diwujudkan melalui beberapa cara antaranya melalui pendidikan. Mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab dan amanah daripada Allah kepada ibu bapa. Oleh kerana anak-anak umpama air putih, maka ia seharusnya diwarnakan dengan warna yang disukai Allah. Dengan lain perkataan ibu bapa harus mendidik anak-anak mereka berdasarkan Pendidikan

---

<sup>33</sup> Kertas kerja Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria, *Konflik Rumahtangga Dari Perspektif Islam*, dibentang pada 28 Disember 2004, Bengkel Penyelesaian Konflik Rumahtangga, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. Lihat juga kertas kerja Zawanah Mohammad, *Permasalahan Rumahtangga: Satu Analisa*, dibentangkan pada 25 November 2000, Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke 10, Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pengalaman penulis sebagai pegawai perunding keluarga mulai Julai 2001 hingga September 2005

<sup>34</sup> Soal selidik ke atas pegawai perunding keluarga seramai 6 orang. Perbincangan lanjut dihuraikan di dalam bab 3 dan bab 5.

Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah<sup>35</sup>. Sehubungan itu mendidik anak-anak tentang pelaksanaan ibadat sejak anak-anak masih kecil juga termasuk dalam tanggungjawab ini.<sup>36</sup>

Ibadat-ibadat asas hendaklah di ajar kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi supaya anak-anak dapat melazimi dan membiasakan diri dengan ibadat tertentu khususnya ibadat solat. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w sendiri telah menegaskan dalam sabdanya:<sup>37</sup>

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ،  
وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ، وَفَرِّقُوا  
بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

Terjemahan :

Ajarlah anak-anak kamu bersembahyang pada usia tujuh tahun dan boleh pukul mereka pada usia sepuluh tahun (sekiranya berdegil tidak mahu sembahyang) dan asingkanlah tempat tidur mereka

Proses pembelajaran untuk menerapkan ibadat solat pada jiwa seseorang memerlukan masa yang panjang. Untuk menghayati ibadat solat, ia perlu tahap-tahap pembelajaran yang lama, merangkumi perlakuan, pengetahuan dan kesedaran. Setelah semua peringkat pembelajaran difahami barulah solat itu dapat menjadi sehati dalam kehidupan seseorang<sup>38</sup>.

Hikmah anak-anak didedahkan dengan suruhan agama sejak meningkat umur *mumayyiz* adalah supaya mereka mengenali hukum-hukum peribadatan sejak daripada kecil lagi dan dapat membiasakan diri membesar dalam ketaatan kepada Allah<sup>39</sup>. Di samping ibadat solat, menjadi tanggungjawab ibu bapa juga untuk mendidik dan membimbing anak-anak di peringkat usia ini dengan ibadah wajib yang lain seperti puasa dan solat Jumaat

---

<sup>35</sup> Saedah Siraj (2003), *Pendidikan Anak-Anak*. Sungai Buloh: Alam Pintar Enterprise, h. 7-8.

<sup>36</sup> Abdullah Fahim *et al.* (1995), *Rumahku Syurgaku*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, h. 10.

<sup>37</sup> Abī Dawūd Sulaymān (1988), *op.cit.*, no hadith 495, j. 1, h. 130.

<sup>38</sup> Amran Kasimin (1992), *Bagaimana Mencegah Kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur: DINIE Publishers, h. 1-2.

<sup>39</sup> ‘Abd Allāh Nāṣih ‘Ulwān (1997), *Tarbiyah al-Aulād Fi al-Islām*, j. 1, al-Azhar: Dar al-Salām, h. 179.



(bagi anak lelaki). Serta ibadat-ibadat sunat seperti wirid-wirid yang *ma'thurat* selepas solat dan juga membaca al-Qur'an<sup>40</sup>.

Selain daripada pendidikan, menurut 'Abd Allah Nasih 'Ulwan<sup>41</sup>, contoh tauladan merupakan antara cara-cara yang berkesan untuk mendidik anak-anak. Individu yang menjadi contoh tauladan itu dapat menentukan sifat anak didik yang bagaimana dapat dilahirkan. Sekiranya individu itu seorang yang baik budi pekertinya, maka itulah sifat yang akan dimiliki oleh anak didiknya. Tetapi jika sebaliknya, sifat negatiflah yang akan ditiru oleh anak didiknya.

Kebiasaannya, individu yang menjadi contoh tauladan kepada anak-anak ialah orang yang paling dekat dan rapat dengan mereka seperti ibu bapa atau kaum keluarga lain yang tinggal bersama dan juga guru. 'Abd Allah Nasih 'Ulwan menyarankan kepada ketua keluarga agar dapat menjadi contoh dalam perkara berkenaan ibadat. Sebagai contoh, untuk menggalakkan ahli keluarga mengamalkan solat ketua keluargalah yang seharusnya rajin mengamalkan ibadat tersebut<sup>42</sup>.

Keadaan persekitaran juga berperanan membantu untuk mewujudkan amalan dan penghayatan dalam ibadat. Sebagai contoh, anak-anak yang lahir dalam persekitaran keluarga yang mengambil berat kewajipan solat, secara tidak langsung akan mendidik diri anak tersebut untuk melazimi amalan tersebut dalam hidupnya.

Kanak-kanak juga cepat mempelajari melalui pemerhatian alam sekeliling. Pada awalnya mereka akan cuba meniru segala perlakuan orang lain. Dengan adanya sifat ingin

---

<sup>40</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991), *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin Dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, h. 40.

<sup>41</sup> 'Abd Allāh Nāṣih 'Ulwān (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 140.

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 402.

mencuba yang tinggi menyebabkan mereka mengulangi perkara yang disukainya. Akhirnya perkara yang diulang-ulang ini akan menjadi tabiat dalam diri mereka<sup>43</sup>.

Dengan ini, pengetahuan dan amalan ibadat solat yang diperoleh melalui proses pendidikan, contoh tauladan dan persekitaran ini akan membentuk diri seseorang itu mampu mengamalkan ibadat solat secara konsisten dan mempunyai kefahaman yang baik tentang kefarduannya. Oleh itu pelaksanaannya akan sentiasa diambil berat walau bagaimanapun keadaan pihak pelaku itu sama ada sibuk dengan tugas harian, sakit dan sebagainya.

## **2.5. SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA PENGABAIAN IBADAT SOLAT**

Banyak pandangan dan pendapat berkenaan kenapa seseorang itu mengabaikan solat atau tidak menunaikan solat. Di antaranya ialah tidak ada perasaan dan pengertian tentang ibadat solat. Terdapat segolongan anggota masyarakat yang tidak merasa berdosa meninggalkan ibadat solat kerana mereka tidak mempunyai ilmu dan pengertian yang mendalam mengenai ibadat solat. Mereka ini lahir, hidup dan membesar dalam masyarakat yang tidak menunaikan solat. Mereka tidak pernah melihat kedua ibu bapanya menunaikan solat. Jika adapun yang menunaikan solat adalah terdiri dari kalangan Imam masjid atau surau, ketua kampung dan sebagainya. Ini menjadikan mereka berpandangan bahawa solat itu perlu ditunaikan oleh golongan tertentu sahaja<sup>44</sup>. Akibat dari tidak mempunyai pengetahuan, terdapat juga antara mereka yang meninggalkan solat kerana sakit, ketiadaan telekung (bagi wanita), ketika dibebani permasalahan, atau ketika kesibukan kerja harian<sup>45</sup>.

---

<sup>43</sup> al-Syeikh Ahmad al-Qaṭṭān (t.t), *Tugas Ibu Bapa – Guru Terhadap Anak-Anak Menurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Ahmad Najib Abdullah al-Qari (terj.). Kota Bharu: Penerbitan ASA, h. 28.

<sup>44</sup> Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy, (1974), *Pedoman Solat*, Jakarta: P.T. Bulan Bintang, h. 29

<sup>45</sup> Soal selidik

Selain itu, telah dipengaruhi sifat malas. Ada segolongan yang tidak melaksanakan solat kerana sifat malas yang amat kuat menguasai diri mereka sedangkan mereka tahu bahawa ibadat solat ini adalah dituntut dan merupakan kewajipan yang pasti dan sesiapa yang meninggalkannya akan mendapat balasan dosa daripada Allah s.w.t.

Terdapat juga golongan yang mengabaikan solat kerana beranggapan solat itu untuk orang telah lanjut usianya. Mereka berpendapat zaman muda ini haruslah diisi dan digunakan untuk memenuhi tuntutan nafsu dan hiburan. Setelah tua barulah mereka akan mendekati diri mereka dengan tuhan<sup>46</sup>. Akan tetapi, kebanyakan golongan muda yang beranggapan begini bila tua mereka akan berperangai dan menghabiskan sisa-sisa hidup mereka seperti dalam keadaan zaman mudanya. Ini kerana ketika tua, kemalasan telah mempengaruhi jiwa mereka, amalan kebiasaan yang sudah berpuluh tahun telang mengekang dan mengawal diri serta tidak dapat dilepaskan lagi<sup>47</sup>.

## **2.6. KESIMPULAN**

Berdasarkan huraian-huraian sebelum ini, dapat digambarkan bahawa ibadat solat ini merupakan ibadat yang menentukan untung dan rugi di dalam kehidupan seseorang muslim sama ada di dunia atau akhirat. Ia mempunyai perkaitan secara tidak langsung dengan tingkah laku, sifat atau perangai seseorang itu dan seterusnya boleh memberi pengaruh kepada kehidupan rumahtangga dan keluarga mereka. Justeru itu kajian ini cuba melihat adakah pelaksanaan ibadat solat ini mempunyai hubungan kepada konflik rumahtangga muslim di Wilayah Persekutuan.

---

<sup>46</sup> Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy, op.cit., h. 30

<sup>47</sup> Ibid, h. 30